



Lokasi kejadian satu lagi tanah jerlus di Jalan Masjid India, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Satu lagi tanah jerlus di Jalan Masjid India

Laluan bermula dari hadapan Wisma Haniffa ditutup

Oleh Safeek Affendi Razali dan Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keseluruhan kawasan Jalan Masjid India ditutup selepas satu lagi tanah jerlus berlaku awal pagi semalam.

Jalan berkenaan telah ditutup bermula dari hadapan Wisma Haniffa, tetapi perniagaan di sepanjang kawasan itu masih dibuka seperti biasa.

Polis ditempatkan di sepanjang jalan dan menghalang pejalan kaki melalui laluan berkenaan.

Awal pagi semalam, sebuah

jengkaut digunakan di tapak penggalian utama di mana wanita warga India, Vijiyaletchumy, 48, terjatuh ke dalam lubang tanah jerlus dan hilang sejak Jumaat hingga semalam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain tiba di Jalan Masjid India sekitar 11.35 pagi dan meninjau operasi dan kawasan berkenaan.

Alat pengimbas radar bawah tanah juga dilihat dibawa ke Jalan Masjid India berhampiran lubang jerlus baharu.

Pada jam 2.30 pagi semalam, satu lagi insiden tanah jerlus berlaku berdekatan pondok polis di Masjid India.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, berkata tindakan segera sudah diambil dengan turut membabitkan pihak Indah Water Konsortium (IWK).

"IWK memeriksa paip kumbahan di lokasi berkenaan serta di kawasan sekitar bagi memastikan tiada kerosakan

PEKA TANDA AWAL TANAH RUNTUH


Persekitaran cerun

Bonjolan pada kaki cerun atau tembok penahan



Air keluar melalui permukaan tanah di lokasi baharu berhampiran cerun

Air keluar di kaki cerun



Pagar, dinding, tiang atau pokok kelihatan condong

Terdapat rekahan pada cerun



Paip air pecah

Persekitaran anda

Rekahan pada tanah atau asas rumah, bangunan dan struktur lain



Pintu atau tingkap tersekat

Struktur cerun beralih daripada posisi awal



Bonjolan pada kaki cerun atau tembok penahan

Tebing jalan mendap atau jatuh



Rekahan pada tanah atau kawasan bersimen semakin besar

Pergerakan tanah dan runtuhan kecil



Dinding luar, kaki lima atau tangga bergerak dari tapak asal bangunan

Langkah-langkah keselamatan

Sebelum kejadian

- ▶ Pantau tanda-tanda awal tanah runtuh di persekitaran anda
- ▶ Rancang pelan pengosongan kawasan untuk keluarga
- ▶ Sediakan beg kecemasan untuk anda dan keluarga
- ▶ Patuhi sistem amaran tanah runtuh untuk kawasan setempat

Ketika kejadian

- ▶ Maklumkan jiran-jiran yang tidak sedar berlakunya bencana
- ▶ Kosongkan kawasan dan jauhkan diri dari lokasi tanah runtuh
- ▶ Tundukkan badan dan lindungi kepala sekiranya terperangkap

Selepas kejadian

- ▶ Periksa jika terdapat sebarang kecederaan dan maklumkan pasukan penyelamat untuk rawatan segera
- ▶ Elakkan berada berdekatan lokasi tanah runtuh kerana kejadian susulan boleh berlaku

Infografik BH

lanjut," katanya.

Sementara itu, tinjauan mendapati peniaga mengakui pendapatan terjejas susulan tanah jerlus itu.

Pelanggan sukar ke kedai

Pengurus kedai barangan kemas, Haja Rizan Grop, 47, berkata kejadian itu menyebabkan semua jalan di kawasan terbabit ditutup sehingga pelanggan sukar ke kedai mereka.

"Pelanggan biasanya berkunjung pada Sabtu dan Ahad. Sejak kejadian ini, kedai terpaksa ditutup.

"Kami tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini atau kepada jabatan mana perlu kami mengadu," katanya. Beliau berkata, semua pekerja tetap bekerja seperti biasa setiap hari walaupun tanpa pelanggan.

Peniaga beg, Nurul Azra Khodzid, 45, berkata walaupun takut, dia terpaksa berniaga kerana ia adalah satu-satu pendapatannya.

"Rasa takut itu memang ada sebab kita tidak tahu bila kejadian macam ini berlaku.

"Perniagaan saya sangat ter-

jejas, hari ini tidak boleh buka, begitu juga Sabtu lalu.

"Kami hanya dapat buka semalam dan hari ini terpaksa tutup semula," katanya.

Beliau berkata, kejadian tanah jerlus itu bukan yang pertama berlaku di lokasi berkenaan.

"Cuma kali ini lebih terjejas kerana membabitkan nyawa dan pelanggan tidak boleh ke tempat itu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, meninjau kawasan berkenaan dan operasi mencari mangsa semalam.